

09 AUG 1996

Mahathir - Kesal (bergambar)

DR MAHATHIR KESAL USUL MANSUH STATUS BEBAS CUKAI LANGKAWI

LANGKAWI, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau kesal dengan cadangan pihak tertentu supaya kerajaan menarik balik status bebas cukai Langkawi.

Katanya: "Saya amat sedih dengan usul itu. Saya tidak terfikir ada orang tertentu yang mencadangkannya...sehingga ada yang meminta ditamatkan status bebas cukai."

Beliau menganggap pihak yang mengemukakan usul itu sebagai orang tidak bersyukur dengan nikmat yang dikecapi hasil pembangunan Langkawi sejak ia menjadi pulau bebas cukai pada 1987.

"Kadang-kala kita harus bersyukur, jangan nanti kita menghadapi masalah," katanya ketika berucap merasmikan pusat peranginan Kampung Tok Senik, projek penginapan berkonsep perkampungan Melayu tradisional yang dibangunkan oleh Kumpulan Maju, di Mata Air di sini.

Usul mendesak kerajaan mengkaji semula taraf bebas cukai Langkawi diluluskan pada mesyuarat UMNO Bahagian Langkawi pada 28 Julai lepas.

Mesyuarat itu juga meluluskan usul meminta kerajaan mengkaji semula penubuhan Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) yang dikatakan cuba mengambil alih peranan mentadbir dan menguruskan pulau ini.

Usul mengenai taraf bebas cukai Langkawi dicadangkan oleh UMNO Cawangan Kampung Bohor Chantek manakala usul mengkaji semula fungsi Lada adalah cadangan Cawangan Kampung Penarak.

Kedua-dua usul itu telah dibahaskan dan diluluskan dengan 73 undi menyokong dan 67 undi menolak.

Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan mengambil keputusan untuk mengisytiharkan Langkawi sebagai pulau bebas cukai setelah usaha terdahulu untuk membangunkan sektor pelancongan di pulau peranginan ini tidak berjaya.

Dr Mahathir berkata langkah kerajaan pada 1987 itu berjaya memajukan Langkawi dan meningkatkan taraf hidup penduduknya hingga menjadi lebih mewah dan sempurna berbanding dengan rakyat Kedah di tanah besar.

Malahan, Langkawi sekarang telah melalui satu perubahan yang pesat berikutan pemberian status itu, katanya.

Dr Mahathir berkata beliau sendiri melihat bagaimana susah kehidupan penduduk Langkawi sebelum itu, khususnya ketika beliau menjadi Pegawai Perubatan di sini pada 1956.

"Keadaan Langkawi dan kehidupan penduduk ketika itu amat daif tanpa kemudahan yang mencukupi, seolah-olah menunjukkan bahawa sumpahan Mahsuri yang Langkawi tidak akan maju selama tujuh keturunan itu benar-benar terjadi," katanya.

Sebelum dijadikan pulau bebas cukai, tanah di Langkawi tidak bernilai dan dijual pada harga sekitar RM500 setiap 0.4 hektar.

Tetapi kini, harga tanah telah meningkat kepada lebih RM5 sekaki persegi dan ekoran daripada ini, beberapa orang penduduk telah menjadi jutawan.

Dr Mahathir berkata keadaan ini adalah kesan daripada pembangunan pesat di Langkawi yang menguntungkan rakyat, berpunca daripada langkah kerajaan memberikan status bebas cukai kepada Langkawi.

"Saya amat sedih ada pihak tertentu yang membuat resolusi dalam mesyuarat UMNO untuk menamatkan taraf bebas cukai Langkawi dan menghapuskan LADA kerana kononnya ia merugikan," katanya.

Orang yang membuat cadangan itu, kata beliau, mungkin kini tinggal di rumah batu.

Katanya: " Ia (usul) tidak patut dibuat kerana saya masih ingat bagaimana

penduduk Langkawi hidup miskin dan merana dahulu.

"Saya hanya tolong memperingatkan penduduk Langkawi agar tidak lupa diri dengan nikmat yang mereka terima dan sanggup membuat dakwaan yang bertentangan dengan ajaran agama." -- BERNAMA

ZI ZAA MFJ MAI